

Banjir di Pahang makin buruk

108 keluarga dari empat daerah ditempatkan di pusat pemindahan

Oleh Hanneeyzah Baharin, Irwan Shafrihan Ismail, Hadzlan Hassan dan Khairul Hamizy Ramli
bminggu@bharian.com.my

KUANTAN: Banjir di negeri ini bertambah buruk apabila 108 keluarga membabitkan 491 mangsa dari empat daerah dipindahkan ke pusat pemindahan sementara, semalam manakala keadaan di Terengganu semakin pulih ketika seorang pelajar Tingkatan Dua menjadi mangsa keenam bencana berkenaan.

Mangsa banjir di Pahang yang dipindahkan ke 10 pusat pemindahan membabitkan daerah Kuantan, Maran, Bera dan Pekan. Sehingga jam 5 petang semalam, Kuantan mencatatkan mangsa banjir tertinggi membabitkan 209 orang daripada 47 keluarga yang dipindahkan ke enam pusat pemindahan.

Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, berkata bencana di Kuantan membabitkan 12 kampung termasuk Kampung Sungai Ular, Kampung Belukar, Kampung Sema-

ngat, Kampung Pandan Dua dan Taman Tas.

Sementara itu, banjir di Terengganu semakin pulih dengan jumlah mangsa di pusat pemindahan berkurangan kepada 1,361 orang daripada 312 keluarga di 17 pusat pemindahan sehingga jam 5 petang semalam berbanding 2,649 orang daripada 579 keluarga kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negara (MKN), berkata seramai 644 orang masih ditempatkan di pusat pemindahan di Kemaman, Dungun (374), Kuala Terengganu (248), Setiu (60), Marang (21) dan Hulu Terengganu (14), manakala pusat pemindahan di Besut sudah ditutup kelmarin.

Sementara itu di Kampung Banggol Nyior, Kuala Terengganu, seorang pelajar Tingkatan Dua sebuah sekolah menengah menjadi mangsa banjir keenam di negeri ini selepas diserang sawan sebelum terjatuh ke dalam air sedalam satu meter di rumahnya, pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 9 pagi itu, Norshahirah



SULTAN Pahang melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Banjir di Dewan Perpaduan Teladas, Maran, semalam.

Ismail, 14, ditemuilemas oleh adiknya yang kemudian menyerit memanggil bapa mereka, Ismail Ibrahim, 49, sebelum mendapati mulut mangsa berbuih serta mengeluarkan banyak air.

Ismail berkata, mereka se-

keluarga baru pulang dari pusat pemindahan banjir pada Aidiladha lalu selepas penempatan berkenaan dinaiki air akibat banjir gelombang kedua sebelum hujan lebat sejak beberapa hari lalu menyebabkan kawasan ru-

mah mereka sekali lagi dinaiki air.

"Mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) tetapi disahkan sudah meninggal dunia. Kami tidak menyangka ia akan berlaku kepadanya," katanya.

Berita Minggu 6/12/2009

MIS 2

SYED ABDULLAH SYED NORDIN | BERITA MINGGU